

Chairman's Statement

penyata pengrusi

ON BEHALF OF THE BOARD OF DIRECTORS,
I AM PLEASED TO PRESENT THE 12TH ANNUAL REPORT
AND AUDITED ACCOUNTS OF GAMUDA BERHAD
FOR THE FINANCIAL YEAR ENDED 31 JULY 2002.

SAYA BAGI PIHAK LEMBAGA PENGARAH DENGAN
SUKACITANYA MEMBENTANGKAN LAPORAN TAHUNAN
DAN AKAUN GAMUDA BERHAD YANG TELAH DIAUDIT
KE-12 BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 JULAI 2002.



Y Bhg Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim
at Bandar Botanic *di Bandar Botanic*

KEY HIGHLIGHTS

Strategies implemented by the Group through the years are continuing to sustain our strong growth, driving 2002 to new heights of achievement;

- Total revenue surged past the RM1 billion mark
- Net profit grew 25% to a record RM238.8 million
- NTA per share rose 19% to RM2.16

Operationally, the following were key developments that had enabled the Group to further improve on its performance;

- Construction of Sungai Selangor Phase 3 (SSP3) running well ahead of schedule
- Commencement of operation of SSP3 Phase 1 Rasa Water Treatment Plant
- Toll collection began on SPRINT Highway's Damansara and Kerinchi Links
- Commencement of construction of SPRINT's Penchala Link
- Start of construction of new road projects in India
- Excellent sales from the group's three major township projects at Kota Kemuning, Valencia and Bandar Botanic

We have substantially increased our construction order book to about RM4 billion, as well as locked in RM800 million worth of unbilled property sales. These, together with steady growth from our concession operations, will position us well to maintain and grow to a higher level of Group revenue and profitability in the coming years.

Overall, our financial health continues to strengthen, with group cash position improving further to RM473 million.

FINANCIAL PERFORMANCE

Our focus has been on driving growth in the 3 core businesses of construction, operation of infrastructure concessions and property development. As a result, we succeeded in achieving a landmark revenue of RM1.04 billion and a healthy net profit of RM238.8m, a growth of 25.4% and 24.6% respectively.

The improved performance is the result of construction works at SSP3 being significantly ahead of schedule, good growth from tolling and water concessions as well as stronger contributions from the Group's property division.

PENCAPAIAN PENTING

Strategi yang dilaksanakan Kumpulan sejak beberapa tahun lalu terus menyumbang kepada pertumbuhan kukuh kami, dengan pencapaian yang lebih baik dalam tahun 2002;

- Jumlah hasil melebihi angka RM1 bilion
- Keuntungan bersih meningkat 25% kepada satu rekod RM238.8 juta
- NTA sesaham meningkat 19% kepada RM2.16

Dari segi operasi, berikut adalah pembangunan penting yang telah membolehkan Kumpulan untuk meningkatkan lagi prestasinya;

- Pembinaan Sungai Selangor Fasa 3 (SSF3) berjalan lancar dan lebih awal daripada jadual
- Permulaan operasi Fasa 1 Loji Rawatan Air SSF3
- Pungutan tol bermula di Hubungan Damansara dan Kerinchi, Lebuhraya SPRINT
- Pembinaan Hubungan Penchala, Lebuhraya SPRINT bermula
- Pembinaan projek jalanraya baru di India dimulakan
- Tiga projek bandar baru utama Kumpulan iaitu Kota Kemuning, Valencia dan Bandar Botanic mencatat jualan yang amat memberangsangkan

Kami berjaya mencatatkan lonjakan dalam buku pesanan pembinaan kami kepada lebih kurang RM4 bilion, serta mencatat RM800 juta nilai jualan harta tanah yang belum dibilang. Pencapaian ini, yang diperkuatkan oleh pertumbuhan stabil operasi konsesi, akan meletakkan kami pada kedudukan yang baik untuk mengekal dan meningkatkan hasil dan tahap keuntungan Kumpulan kepada paras yang lebih tinggi pada tahun-tahun akan datang.

Pada keseluruhannya, keadaan kewangan kami terus kukuh, dengan kedudukan tunai Kumpulan bertambah baik kepada RM473 juta.

PRESTASI KEWANGAN

Kami menumpukan perhatian untuk menggerakkan pertumbuhan dalam tiga perniagaan teras, iaitu pembinaan, operasi konsesi infrastruktur dan pembangunan harta tanah. Hasilnya, kami berjaya mencapai satu rekod hasil sebanyak RM1.04 bilion dan keuntungan bersih sebanyak RM238.8 juta, peningkatan masing-masing sebanyak 25.4% dan 24.6%.

Prestasi yang baik ini adalah hasil kerja-kerja pembinaan di SSF3 yang jauh lebih awal daripada jadual, pertumbuhan baik daripada konsesi tol dan air serta sumbangan yang lebih kukuh daripada bahagian harta tanah Kumpulan.



1



2



3

CONSTRUCTION

pembinaan & kejuruteraan awam
& CIVIL ENGINEERING

- 1 Engineers at Penchala site
Jurutera di tapak pembinaan Penchala
- 2 Highway construction in India
Pembinaan lebuhraya di India
- 3 Construction of Penchala Link, Package C of SPRINT Highway
Pembinaan Hubungan Penchala, Paket C, Lebuhraya SPRINT
- 4 Aerial view of SSP3 dam under construction
Pemandangan udara empangan SSP3 dalam proses pembinaan



4

Review of Operations tinjauan operasi

The major business activities for the year were:

- Construction
- Operation of infrastructure concessions and
- Property development

Construction

Construction continues to be the mainstay for the Group, contributing 52% of the Group's pre-tax profit. It benefited from higher work progress of the Sungai Selangor Phase 3 (SSP3) project. Construction of the RM2.1 billion project, the last major water resource in the state of Selangor, started in early 2000 and is well ahead of schedule. It is targeted for completion in mid-2005.

The diversion of Federal Route 55 to Fraser's Hill has been completed and opened to traffic since September 2001. Rasa Water Treatment Phase 1 was completed end of last year and started its operations early this year. Construction of Rasa Water Treatment Plant Phase 2 has also begun and is about six weeks ahead of schedule. The construction of the dam over Sungai Selangor and Phase 1 of Bukit Badong Water Treatment Plant will be completed early 2003. The latter will provide a much-needed additional 400mld of treated water to the Klang Valley.

Construction works have also begun on the Penchala Link of the SPRINT Highway. When completed, it shall provide a vital link for new residential and commercial developments in the western part of the city. The works, which is more than 30% completed, will include a 700m twin tunnel.

Works have also started on the two Indian national highway projects in West Bengal - the Panagarh-Palsit Highway and the adjacent Durgapur Highway, with a total length of 130km. As these are the first major overseas projects for the Group, efforts are being made to strengthen operational capability in line with local conditions. The Group's share of construction work in these two projects is RM450 million.

Infrastructure Concessions

This division contributed 36% of the Group's earnings. Over the year, good growth was recorded for both tolling and the operation of water concessions.

Toll concessions

The Group's toll concession associates comprise the SPRINT Highway, Lebuhraya Shah Alam (KESAS) and Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP). Collectively, the three handle daily, more than 600,000 tolled vehicles, thus making us the largest urban toll operator in the country.

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama bagi tahun kewangan ini adalah:

- Pembinaan
- Operasi konsesi infrastruktur dan
- Pembangunan hartanah

Pembinaan

Pembinaan yang menyumbang 52% kepada keuntungan sebelum cukai Kumpulan terus merupakan aktiviti tulang belakang. Ia mendapat manfaat daripada projek Sungai Selangor Fasa 3 (SSF3) yang mencapai kemajuan lebih tinggi. Pembinaan projek bernilai RM2.1 bilion dan merupakan sumber air utama terakhir di negeri Selangor, telah dimulakan pada awal tahun 2000 dan mendahului jadual. Ia dijadualkan siap pada pertengahan tahun 2005.

Projek lencongan Laluan Persekutuan 55 ke Bukit Fraser telah selesai dan dibuka kepada lalulintas sejak September tahun 2001. Fasa 1 Loji Rawatan Air Rasa disiapkan akhir tahun lepas dan mula beroperasi awal tahun ini. Pembinaan Fasa 2 Loji Rawatan Air Rasa juga telah dimulakan dan mendahului jadual sebanyak 6 minggu. Pembinaan empangan di Sungai Selangor dan Fasa 1 Loji Rawatan Air Bukit Badong akan siap pada awal tahun 2003. Projek Bukit Badong akan membekalkan tambahan 400 juta liter air sehari yang sangat diperlukan ke Lembah Klang.

Kerja pembinaan Hubungan Penchala, Lebuhraya SPRINT juga telah bermula. Apabila siap nanti, ia akan menyediakan satu hubungan penting bagi pembangunan kediaman dan komersial baru di bahagian barat bandaraya. Kerja pembinaan, yang lebih 30% siap, meliputi pembinaan terowong berkembar sepanjang 700m.

Kerja juga sudah dimulakan bagi dua projek lebuhraya kebangsaan India di Bengal Barat - Lebuhraya Panagarh-Palsit dan Lebuhraya Durgapur yang terletak bersebelahan, sepanjang 130km. Oleh kerana kedua-dua projek ini merupakan projek seberang laut yang pertama bagi Kumpulan, usaha sewajarnya sedang dijalankan untuk mengukuhkan keupayaan operasi selaras dengan keadaan tempatan. Bahagian Kumpulan bagi kerja pembinaan di kedua-dua projek ini ialah RM450 juta.

Konsesi Infrastruktur

Bahagian ini menyumbang sebanyak 36% kepada perolehan Kumpulan. Sepanjang tahun kewangan, pungutan daripada tol dan operasi konsesi air mencatat pertumbuhan yang menggalakkan.

Konsesi tol

Sekutu konsesi tol Kumpulan yang terdiri daripada Lebuhraya SPRINT, Lebuhraya Shah Alam (KESAS) dan Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP), yang kesemuanya mengendalikan lebih daripada 600,000 buah kenderaan bertol setiap hari, menjadikan kami pengendali tol bandar terbesar di negara ini.

Review of Operations tinjauan operasi

During the year, our tolling operations benefited from the start of tolling in September, on SPRINT'S Damansara and Kerinchi Links. The opening of these links has improved accessibility, shortened travel time and relieved local traffic congestion.

LDP, the alignment which runs through one of the most vibrant economic corridors in the country, experienced continuing strong natural growth at all its toll plazas. This was due to the opening of the northern section of MRR2, increased economic activity in southern Petaling Jaya and Puchong as well as the occupation of Putrajaya. Various efforts are being taken to widen the highway and to build new interchanges to relieve local congestion and to facilitate traffic flow. Our aim is always to increase the convenience and safety for all users.

Lebuhraya Shah Alam, also familiarly known to users as the Kesas Highway implemented a 25% increase in toll charges in April 2002. It experienced a temporary reduction in traffic that has since substantially recovered, and now growing again. As this highway connects the growing southern and western corridors of the Klang Valley, it is well positioned to capture future traffic growth.

Water Concessions

SPLASH, in which Gamuda has a 30% stake, operates SSP3 as well as the existing SSP1. Contributions from water concessions were boosted by the start of operations in early 2002 of SSP3's Rasa Water Treatment Plant Phase 1, which has a capacity of 125mld. This new supply source will greatly relieve the water-stressed areas in the northern Selangor area.

Revenues were also helped by the scheduled implementation of an increased tariff structure, which is bench marked to delivery of key stages of the SSP3 project. The completion of the dam over Sungai Selangor and Bukit Badong Phase 1 early next year should further boost production capacity and revenues.

PROPERTY DEVELOPMENT

Our property division had a sterling year, registering aggregate sales of over RM800 million and more than 2000 units of mainly residential properties. This level of performance positions the Group as one of the largest property developers in the country, even though its contribution represented only 12% of our total earnings last year.

Pada tahun kewangan, operasi pungutan tol mendapat faedah daripada permulaan pungutan tol dalam bulan September di Damansara and Kerinchi Link, Lebuhraya SPRINT. Pembukaan kedua-dua laluan penghubung ini meningkatkan lagi kebolehlaluan, menjimatkan masa perjalanan dan meredakan kesesakan lalulintas setempat.

Penjajaran LDP yang merentasi salah satu koridor ekonomi paling pesat di Malaysia, terus mencatat pertumbuhan semula jadi yang kukuh di semua plaza tol. Ini disebabkan oleh pembukaan bahagian utara MRR2, aktiviti ekonomi yang bertambah pesat di Petaling Jaya selatan dan Puchong serta penghunian Putrajaya. Pelbagai usaha sedang diambil untuk meluaskan lebuhraya dan membina persimpangan baru bagi mengurangkan kesesakan lalulintas setempat dan melancarkan aliran lalulintas. Matlamat kami adalah sentiasa mempertingkatkan keselesaan dan keselamatan semua pengguna.

Lebuhraya Shah Alam, yang juga dikenali sebagai Lebuhraya KESAS di kalangan pengguna, telah menaikkan kadar tol sebanyak 25% pada bulan April 2002. Selepas itu, ia mengalami penyusutan lalulintas sementara, yang telah pulih dengan segera dan kini kembali mencatatkan pertumbuhan. Oleh kerana lebuhraya ini menghubungkan koridor selatan dan barat Lembah Klang yang sedang pesat berkembang, ia berada pada kedudukan yang baik untuk memanfaatkan pertumbuhan lalulintas di masa akan datang.

Konsesi Air

SPLASH, yang 30% kepentingannya dikuasai oleh Gamuda, mengendalikan SSF3 serta SSF1 yang sedia ada. Sumbangan daripada konsesi air dipertingkatkan lagi oleh permulaan operasi Fasa 1 Loji Rawatan Air Rasa SSF3 pada awal tahun 2002, yang mempunyai keupayaan 125 juta liter sehari. Sumber bekalan air terbaru ini akan banyak membantu kawasan kekurangan air di utara negeri Selangor.

Pelaksanaan struktur kenaikan tarif mengikut jadual, yang dilaksanakan mengikut penyerahan peringkat penting projek SSF3 turut membantu memperingkatkan hasil. Penyelesaian pembinaan empangan di Sungai Selangor dan Fasa 1 Bukit Badong pada awal tahun depan seharusnya meningkatkan lagi keupayaan pengeluaran dan hasil.

PEMBANGUNAN HARTANAH

Bahagian harta tanah kami melalui satu tahun yang memberangsangkan, dengan mencatat jualan agregat melebihi RM800 juta dan lebih daripada 2000 unit yang kebanyakannya harta tanah kediaman. Tahap prestasi ini meletakkan Kumpulan pada kedudukan antara pemaju harta tanah terbesar di Malaysia, walaupun sumbangan daripada harta tanah hanya merupakan 12% daripada jumlah perolehan kami pada tahun lepas.



INFRASTRUCTURE konsesi infrastruktur CONCESSIONS

1 Rasa Water Intake Plant near Kuala Kubu Bharu
Tapak Pengambilan Air Mentah Rasa berhampiran Kuala Kubu Bharu

2 Artist impression of the Moorish-influenced
East Portal of the Penchala tunnel (SPRINT highway)
Gambaran pelukis Bahagian Timur terowong Penchala
(Lebuhraya SPRINT) yang bercirikan pembinaan Islam

inset: Ongoing tunnel works at Penchala
gambar kecil: Kerja pembinaan terowong yang sedang
dijalankan di Penchala





1


1 Aerial view of Kota Kemuning - Planning Innovation and Concept Award Winner 2000
Pemandangan Kota Kemuning dari udara - Pemenang Anugerah Inovasi dan Konsep Perancangan tahun 2000

2 & 3 Bandar Botanic is five minutes from Kota Kemuning. 'Your Home in the Garden', it features an 80-acre botanical parkland, nine themed gardens and three lakes
Bandar Botanic terletak sejauh 5 minit memandu dari Kota Kemuning. 'Kediaman dalam Taman' ini menampilkan sebuah taman botanika seluas 80 ekar, sembilan buah taman tema dan tiga buah tasik

4 Valencia development sets a new benchmark for the high-end market with its residents' only private golf course
Pembangunan Valencia mewujudkan satu ukurujuk baru bagi pasaran mewah yang menyediakan padang golf khusus untuk penghuninya sahaja



2



4



3

Review of Operations tinjauan operasi

Our success has been due to our strategy in positioning our projects in good locations, supported by superior development concepts and reliable delivery. Gamuda Land, the Group's property flagship is well regarded by property buyers for its innovative and distinctive township concepts, good designs and specifications and offering unbeatable value for money. As a result our take up rates average 90% in an industry where the average is no more than 60%.

Bandar Botanic, our maiden project in the southern end of Klang has been a runaway success, with the double storey link houses and semi-detached houses almost selling out as fast as they were launched. The 3 km lake and central park concept in Parcel A has been well received by buyers and continues to draw future buyers as well as the general public.

Valencia, an exclusive residential development located adjacent to the Sungai Buloh interchange on the northbound North-South Expressway, has also been extremely successful, with sales exceeding forecast. Targeted at the upper end of the landed residential market, Valencia's bungalow, semi-D and garden terrace homes are fast becoming a new benchmark for the high-end housing market, with its gated community concept, exclusive residents' only golf course, refreshing designs, and superior views and specifications within a low density layout.

The Group's first housing project at Kota Kemuning, continues to draw upon its award winning reputation for best township design, experiencing strong sales for the double storey link, semi-D and bungalow homes launched during the year. With almost 10,000 residents in the township today, Kota Kemuning has become a preferred address for urban residents seeking a respite from traffic congestion, high-density living and lack of space and natural recreational facilities.

Manufacturing & Others

The Group's quarry business operated by G.B. Kuari Sdn Bhd continues to perform satisfactorily with the pickup of local construction activities. Megah Sewa Sdn Bhd has also performed well, supplying and servicing the critical plant and machinery needed for the Group's civil engineering and construction works.

However the Group's other manufacturing businesses, in particular Dyna Plastics Sdn Bhd and Gamuda Paper Industries Sdn Bhd continued to face difficult market conditions during the year and did not perform to expectation.

Kejayaan kami adalah disebabkan oleh strategi yang meletakkan projek di lokasi baik, disokong oleh konsep pembangunan yang unggul serta penyerahan pada tarikh yang ditetapkan. Gamuda Land, teraju perdana harta tanah Kumpulan mendapat keyakinan para pembeli harta tanah kerana konsep bandar barunya yang inovatif dan istimewa, rekabentuk dan spesifikasi yang baik serta menawarkan nilai untuk wang yang tiada bandingan. Kesannya, kadar janji beli kami adalah purata 90% dalam sesuatu industri di mana puratanya adalah tidak melebihi 60%.

Bandar Botanic, projek pertama kami di hujung selatan Klang, mencatat kejayaan besar dengan rumah berangkai dua tingkat dan rumah berkembar hampir habis dijual sebaik sahaja dilancarkan. Konsep tasik dan taman pusat seluas 3 km di dalam Parcel A diberi sambutan menggalakkan oleh para pembeli dan terus menarik bakal pembeli serta orang ramai.

Valencia, pembangunan kediaman eksklusif yang terletak bersebelahan persimpangan Sungai Buloh di Lebuhraya Utara Selatan, juga mencatat kejayaan cemerlang dengan jualan mengatasi ramalan. Kediaman bertanah, banglo, rumah berkembar dan rumah teres taman Valencia yang disasarkan kepada bahagian pasaran atasan kini menjadi tanda aras baru bagi pasaran perumahan atasan, dengan konsep penghuninya menikmati pelbagai keistimewaan khusus, padang golf eksklusif untuk penduduknya, rekabentuk yang menyegarkan serta pemandangan yang unggul dan spesifikasi di dalamkawasan yang mempunyai penduduk yang berkepadatan rendah.

Projek perumahan pertama Kumpulan di Kota Kemuning terus mendapat manfaat daripada reputasinya sebagai pemenang anugerah untuk rekabentuk terbaik bagi perbandaran baru, dengan rumah berangkai dua tingkat, rumah berkembar dan banglo yang dilancarkan pada tahun kewangan ini mencatat jualan kukuh. Dengan hampir 10,000 penduduk kini tinggal di bandar baru ini, Kota Kemuning telah menjadi kawasan kediaman pilihan oleh penduduk bandar yang mencari ketenangan daripada kesesakan lalu lintas, kepadatan penduduk yang tinggi serta kekurangan tanah lapang dan kemudahan rekreasi.

Perkilangan & Lain-lain

Perniagaan kuari Kumpulan yang dikendalikan oleh G.B. Kuari Sdn Bhd terus mencatat prestasi yang memuaskan dengan peningkatan aktiviti pembinaan. Megah Sewa Sdn Bhd juga mencatat prestasi yang baik, membekal dan menyediakan khidmat servis loji kritikal dan jentera yang diperlukan untuk kerja kejuruteraan awam dan pembinaan Kumpulan.

Bagaimanapun, perniagaan perkilangan lain Kumpulan, khususnya Dyna Plastics Sdn Bhd dan Gamuda Paper Industries Sdn Bhd terus berhadapan dengan keadaan pasaran yang sukar pada tahun kewangan dan tidak mencatatkan prestasi seperti yang dijangkakan.

Review of Operations tinjauan operasi

CORPORATE DEVELOPMENTS

The Group's growth will depend on its ability to build and maintain a strong order book. In this regard, negotiations with the Government over the RM2 billion SMART (Storm-water Management and Road Tunnel) Project are proceeding well and should be concluded very soon. We have received instructions to commence works immediately. When completed, the project would be able to alleviate some of the major floods in the Kuala Lumpur city area.

We have recently been given the go-ahead for a major package in an MRT project in Taiwan, where we have a 50:50 JV with a local partner. Our share of the project value is RM400 million.

SPLASH, through its holding company, Syarikat Pengeluar Air Selangor Holdings Berhad is seeking listing on the KLSE in 2003.

DEVELOPING OUR HUMAN RESOURCES

Gamuda Scholarships

We continued with the initiative begun in 1996 to provide financial assistance to deserving students in local and foreign universities. In 2002, we awarded a total of eight scholarships to undergraduates in local as well as British universities. To date, 51 students have received awards under the program, and the majority of the graduates are currently employed with the Group, injecting fresh perspectives and resources for our future development.

Staff Development

The strength of the Group is reflected by the capabilities of our people. To further improve the skills and capability of our people, we have implemented structured career planning backed by a comprehensive training program managed by Gamuda Learning Centre. While training continued to focus on improving job-specific skills as well as managerial and leadership qualities, due to increased construction workload, particular attention is being given to further strengthen our project management skills, a Gamuda hallmark.

PROSPECTS FOR 2003

Despite perceived uncertainties in the global economy, the Malaysian economy is expected to experience positive economic growth over the next few years. This economic expansion, if achieved, could unfold into a new cycle of growth for the country, ensuring continued improvement of our concession businesses and sustaining demand for the Group property sales. Economic growth will naturally require further infrastructure investments to support the increased economic and social activities.

PEMBANGUNAN KORPORAT

Pertumbuhan Kumpulan bergantung kepada keupayaannya untuk mewujud dan mengekalkan buku pesanan yang kukuh. Sehubungan itu, rundingan dengan Kerajaan mengenai projek SMART (Pengurusan Air Deras dan Terowong Jalanraya) yang bernilai RM2 bilion berjalan lancar dan berkemungkinan akan selesai tidak lama lagi. Kami telah menerima arahan daripada untuk memulakan kerja serta merta. Apabila siap nanti, projek ini akan dapat mengurangkan banjir besar di pusat bandaraya.

Baru-baru ini, kami telah mendapat kelulusan untuk meneruskan kerja bagi pakej utama dalam projek MRT di Taiwan, di mana kami mempunyai 50:50 kepentingan dalam usahasama dengan rakan kongsi tempatan. Bahagian kami dalam projek ini bernilai RM400 juta.

SPLASH, melalui syarikat induknya, Syarikat Pengeluar Air Selangor Holdings Berhad sedang berusaha untuk disenaraikan di BSKL pada tahun 2003.

MEMBANGUN SUMBER MANUSIA KAMI

Biasiswa Gamuda

Kami meneruskan inisiatif yang dimulakan dalam tahun 1996 untuk memberi bantuan kewangan kepada para pelajar layak yang menyambung pengajian di universiti-universiti dalam dan luar negeri. Pada tahun 2002, kami memberi sejumlah lapan biasiswa kepada penuntut di peringkat ijazah di universiti tempatan dan di Britain. Sehingga kini, 51 pelajar telah menerima anugerah biasiswa di bawah program ini, dan sebahagian besar daripada mereka kini bekerja dengan Kumpulan yang mewujudkan satu perspektif dan sumber baru kepada pembangunan masa depan kami.

Pembangunan Kakitangan

Keupayaan pekerja kami mencerminkan kekuatan Kumpulan. Kami telah melaksanakan rancangan kerja tersusun dengan bantuan program latihan komprehensif yang dikendalikan oleh Gamuda Learning Centre bermatlamat untuk mempertingkatkan lagi kemahiran dan keupayaan tenaga manusia kami. Walaupun latihan terus memfokus kepada peningkatan kemahiran kerja khusus serta kualiti pengurusan dan kepimpinan, berikutan pertambahan beban kerja pembinaan, perhatian khusus turut diberi kepada usaha ke arah mengukuhkan lagi kemahiran pengurusan projek, yang merupakan lambang kejayaan Gamuda.

PROSPEK BAGI 2003

Meskipun terdapat ketidakpastian dalam persekitaran ekonomi bersifat global, ekonomi Malaysia dijangka mengalami pertumbuhan positif untuk beberapa tahun akan datang. Pengembangan ekonomi ini, sekiranya tercapai, boleh mencetuskan kitaran pertumbuhan baru bagi negara, dengan itu memastikan peningkatan berterusan bagi perniagaan konsesi kami dan mengekalkan permintaan bagi jualan harta tanah Kumpulan. Pertumbuhan ekonomi tersebut secara semulajadi akan memerlukan penambahan dalam pelaburan infrastruktur bagi menampung peningkatan aktiviti ekonomi dan sosial.

For the next financial year, regardless of external factors, our strong construction order book of RM4 billion and locked-in property sales of RM800 million should enable the Group to achieve another year of strong growth.

In line with our strategy to concentrate on the construction, concession operations and property development business, we shall be strengthening our operational capability in these areas to deliver what we have already secured. At the same time, we shall continue to identify and develop opportunities to secure new infrastructure and construction projects to further increase our already substantial order book to support our growth strategy.

DIVIDEND

Further to an interim dividend of 5% less 28% tax, the Board has recommended another final 5% dividend, less 28% tax, culminating in a total dividend of 10% for the financial year.

ACKNOWLEDGEMENTS AND APPRECIATION

I would like to thank our board of directors and employees for the tremendous effort made during the year to improve on our financial performance and creation of long-term shareholder value.

I would also like to acknowledge that the successes achieved during the year would not have been possible without the support of our loyal customers, government authorities and agencies.

I would also like to extend a special note of appreciation to our shareholders for their support and confidence in our company and its future. As we enter 2003, I am confident that we have the right strategy, financial structure, organizational focus, and leadership to further improve on our performance.

**Tan Sri Dato' Ir Talha Haji Mohd Hashim
Chairman**

Untuk tahun kewangan berikutnya, tanpa mengambil kira faktor luar, buku pesanan pembinaan kami yang mantap sebanyak RM4 bilion dan jualan harta tanah yang terjamin sebanyak RM800 juta dijangka membolehkan Kumpulan mencatat satu lagi tahun pertumbuhan yang kukuh.

Selaras dengan strategi kami untuk memberi tumpuan kepada bidang pembinaan, operasi konsesi dan perniagaan pembangunan harta tanah, kami akan mengukuhkan keupayaan operasi kami di dalam bidang-bidang ini untuk menyiapkan kerja-kerja yang kami perolehi. Pada masa yang sama, kami akan terus mengenalpasti dan membangunkan peluang untuk mendapat projek infrastruktur dan pembinaan yang baru untuk menambahkan lagi buku pesanan kami bagi menyokong strategi pertumbuhan kami.

DIVIDEN

Sebagai tambahan kepada dividen interim sebanyak 5% ditolak 28% cukai, Lembaga Pengarah telah mengesyorkan dividen akhir 5%, ditolak 28% cukai, untuk menjadikan dividen bagi tahun kewangan ini berjumlah 10%.

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah dan kakitangan yang telah berusaha dengan penuh kegigihan untuk mempertingkatkan prestasi kewangan kami dan mewujudkan nilai jangka panjang pemegang saham.

Saya juga amat menghargai sokongan para pelanggan setia kami, pihak berkuasa dan agensi kerajaan sehingga membolehkan kami mencapai kejayaan pada tahun ini.

